



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

21 Ogos 2015 / 6 Zulkaedah 1436

**Salah faham Konsep: *Al-Wala' wal Bara'***

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، الَّذِي بَعَثَ مُحَمَّدًا بَشِيرًا وَنَذِيرًا  
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، صَلَاةً  
وَسَلَامًا دَائِمِينَ مُتَلَازِمِينَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ،  
اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيْ وَنَفْسِي وَإِيَّاكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Pada hari Jumaat yang penuh barakah ini, marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah s.w.t. dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala tegahanNya. Marilah kita kembali bertaubat kepadaNya dengan hati yang ikhlas. Semoga Allah s.w.t. menerima taubat dan amalan kita, Amin.

Saudara,

Seperti yang telah dijelaskan pada beberapa khutbah yang lalu, kunci keutuhan iman dan peningkatan kehidupan beragama

adalah dengan melalui ilmu. Ilmu yang diraih dari sumber yang boleh dipercayai lagi muktabar dan mampu menjadi pemangkin untuk membangun diri serta masyarakat. Akan tetapi, seperti ilmu-ilmu yang lain, terdapat beberapa aspek dalam agama ini yang agak sukar untuk difahami. Sebahagian daripadanya dipengaruhi perkembangan sejarah, dan kerana itu ia menjadi kompleks atau rumit. Sebahagian aspek agama yang lain pula dibentuk oleh konteks, oleh itu ia memerlukan kepada pendekatan yang berhati-hati serta pengamatan yang mendalam sebelum ia dapat diterapkan dalam kehidupan. Kita sebenarnya memerlukan kepada panduan. Dengan kemudahan memperolehi pelbagai penafsiran pada zaman ini, kita perlu lebih berwaspada terhadap idea-idea yang telah disalahguna dengan tujuan untuk menyesatkan dan menghancurkan. Tatkala kita maju ke hadapan sebagai satu masyarakat yang menyumbang kepada dunia dan menjadi teladan dalam kefahaman dan pengamalan agamanya, kita perlu memiliki keupayaan untuk memahami dan menilai konsep agama yang pelbagai.

Saudaraku,

Pada hari ini, ingin saya menjelaskan satu konsep di dalam Islam. Sebelum itu, saya mengajak anda semua untuk bersama-sama merenung sejenak. Lihat di sekeliling kita. Adakah kita ini hidup sendirian antara masyarakat kita sahaja? Adakah kita mempunyai masalah untuk hidup bersama mereka yang berlainan bangsa dan agama dalam masyarakat majmuk

ini? Setentunya tidak. Adakah perasaan selesa untuk hidup dengan orang lain serta menyumbang kepada masyarakat merupakan sebahagian dari ajaran Islam? Setentunya jawapannya adalah Ya!. Sebagai contoh, perhatikan firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Mumtahanah, ayat 8:

لَا يَنْهَاكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقِنُواكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُواكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

Yang bermaksud: *“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari rumah kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil”*.

Ayat ini menjelaskan bahawa sekiranya orang Islam tidak berada dalam peperangan di mana mereka ditentang atas dasar keimanan mereka, maka Allah s.w.t. memerintahkan kita untuk menegakkan kebaikan dan keadilan kepada semua. Alhamdulillah, kita mampu menyatakan dengan penuh keyakinan bahawa kita telah pun menegakkan ajaran ini. Masyarakat Islam di Singapura telah berjaya untuk meneruskan kehidupan mereka secara aman dan bersepadu dengan keseluruhan masyarakat Singapura. Kita telah dan terus menyumbang kepada pembangunan masyarakat kita dan pada masa yang sama tetap mengamalkan ajaran agama dengan penuh keyakinan sebagai seorang muslim. Ini mencerminkan pegangan utuh kita kepada keimanan dan pada masa yang

sama, ia menjana semangat untuk melakukan dan menyebarkan kebaikan.

Tetapi dengan perkembangan internet dan media sosial, kita menyaksikan pelbagai idea-idea yang bertujuan memisahkan umat Islam dari masyarakat mereka. Di sinilah berlakunya salah guna beberapa ajaran dan konsep Islam oleh individu-individu yang memiliki agenda mereka sendiri. Antara konsep Islam yang telah disalah ertikan dan diwar-warkan oleh golongan ekstremis adalah konsep *Al-Wala' wal Bara'*. Jika diterjemahkan, ia bermaksud “Kesetiaan dan Pelepasan Diri”. Konsep ini adalah konsep utama kepada ideologi kumpulan radikal seperti Al-Qaeda dan ISIS. Menurut mereka, menentang konsep tersebut adalah kesalahan besar dalam aqidah.

Apakah maksud konsep ini menurut mereka? Pada mereka ia bermaksud Islam hanya membenarkan kesetiaan (*Wala'*) kepada Islam dan kepada umat Islam. Mereka juga perlu melepas diri (*Bara'*) dari yang bukan Islam, juga melepaskan diri terhadap muslimin yang “berbeza pendapat dengan mereka” ataupun lebih buruk membunuh mereka. Di peringkat sosial, ini bermakna bahawa umat Islam tidak boleh berbaik-baik dengan anggota agama lain (terutama sekali terhadap orang-orang Yahudi dan Kristian), tetapi sebaliknya kita menganggap mereka sebagai musuh. Kesan dari fahaman ini, mereka berpandangan bahawa Islam melarang interaksi sosial dengan mereka yang bukan Islam, termasuk juga

mengucapkan selamat bagi hari perayaan mereka. Amalan seperti ini dilihat sebagai haram, kerana ia merupakan *Wala'* ataupun kesetiaan yang boleh mengancam agama serta mencemarkan kesucian iman kita. Semua ini, menurut mereka, adalah perintah Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w. diambil dari Al-Quran dan Sunnah.

Jemaah yang dikasihi,

Kita tidak berpegang kepada penafsiran sedemikian. Ini kerana, sesiapa sahaja yang berpegang dengannya, akan merasa tidak selesa hidup di dunia moden hari ini, dengan perasaan bersalah yang berterusan. Walaupun sedemikian, idea ini diketengahkan sebahagian individu sebagai ajaran Islam. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita bersama untuk mencabar penafsiran tersebut. Kita perlu mendidik masyarakat kita dan terutamanya anak-anak kita tentang bagaimana konsep-konsep ini telah secara palsu digunakan.

Pertama, ia adalah berdasarkan kepada pemahaman yang salah berkaitan konsep '*Wali*' dan '*Wala'*' yang disebut dalam Al-Quran. Kedua, ia dibina di atas salah faham berkaitan dengan siapakah golongan bukan Islam yang dimaksudkan dalam larangan tersebut?

Al-Quran telah menjelaskan pada beberapa tempat, bahawa larangan ini bukanlah ditujukan kepada keseluruhan mereka yang bukan Islam, akan tetapi ia hanya tertumpu kepada

sekumpulan mereka yang bukan Islam di zaman Rasulullah s.a.w. Penafsiran ini boleh disaksikan melalui ayat surah Al-Mumtahanah yang baru dibaca tadi.

Di samping itu, *Al- Wala' wal Bara'* seakan-akan memberi lesen kepada seseorang untuk menyatakan seorang muslim sebagai kafir, kerana dia memberikan kesetiaan kepada yang bukan Islam ataupun mematuhi sistem pemerintahan yang bukan Islam. Mengeluarkan seorang Muslim dari lingkaran iman dan Islam adalah tindakan yang melanggar tatasusila ajaran Islam itu sendiri.

Jemaah yang dikasihi,

Sirah Nabi s.a.w. dipenuhi dengan pelbagai contoh bagaimana Nabi s.a.w. berurusan dengan baik dengan mereka yang bukan Islam, di Makkah mahupun di Madinah. Beliau turut serta dalam banyak perjanjian yang bertujuan membidas ketidakadilan dan kekerasan. Dalam pada itu, beliau juga menyertai usaha bersama untuk meringankan kesusahan yang dialami akibat kemarau dan lain-lain lagi. Ini adalah peranan dan misinya untuk menyebarkan kasih sayang Allah, juga sebagai rahmat buat sekalian alam. Bahkan terdapat riwayat daripada At-Tirmizi dan Al-Hakim, dimana ayat 105 daripada surah An-Nisa', sebenarnya diturunkan kerana ingin membela seorang yahudi yang dizalimi dengan tuduhan palsu mencuri. Sedangkan pencuri sebenar adalah seorang muslim. Inilah dia keadilan Islam, dasar dan nilai inilah yang perlu kita mekarkan.

Saudaraku,

Dengan semangat ini, umat Islam sentiasa digalakkan untuk hidup bersama yang lain, dan berusaha untuk mengenali antara satu sama lain, kerana apabila kita berinteraksi dengan yang lain, mereka akan menghargai Islam dengan lebih baik. Kaum muslimin dan yang bukan Islam juga saling memerlukan antara satu sama yang lain dalam pelbagai bidang kehidupan. Terdapat banyak contoh di mana umat Islam meraih kemanfaatan daripada yang bukan Islam, hasil dari persahabatan yang terjalin antara individu juga masyarakat. Tafsiran ajaran *Al- Wala' wal Bara'* sebagai galakkan untuk bermusuhan dengan yang bukan Islam jelas bercanggahan dengan semangat agama kita. Bahkan kebencian yang mendorong kezaliman dan kehancuran tidak boleh menjadi sama sekali sebahagian daripada amalan Islam yang sebenar.

Semoga Allah menanam ke dalam hati-hati kita rasa cinta terhadapNya dan kepada semua ciptaanNya. Semoga Allah terus melindungi kita dan keluarga daripada ajaran agama yang salah, serta memberi kepada kita taufiq dan hidayah menerusi ilmu yang mendalam. Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ يَا  
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ يَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.